



فحابت داعيره دان تانه، كريان  
قاريت بو نتر، فيراق.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH,  
KERIAN,  
34200 PARIT BUNTAR,  
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon: 05-716 1963 dan  
05-716 1227  
Faks: 05-716 2399  
05-716 1835  
Kawat: "DISTOFF"



Ruj. Tuan : KUDR/KACPIA/05/25/0535 (10)  
Ruj. Kami : Bil. (2) dlm. PTK(A)03/02/2018 SJ. 8  
Tarikh : 21 Safar 1447H  
15 Ogos 2025

Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan  
B-G-9 & B-G-22 Greentown Suria  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,  
30450 IPOH



Puan,

**PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABA3015 – SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK PIAL**

**PERKARA : PERMOHONAN ULASAN TEKNIKAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

**a) Tujuan Permohonan**

Permohonan ulasan teknikal bagi projek penyediaan point of presence (pop) fasa 2 hab infrastruktur gentian optik berhampiran dengan sekolah, premis kerajaan dan komuniti sekitarnya oleh Kementerian Komunikasi.

**b) Lokasi Tapak**

Tapak yang dimohon adalah di Wilayah Telok Pial, Mukim Kuala Kurau dan Mukim Tanjong Piandang.

**c) Status Tanah**

Tanah yang terlibat adalah di atas tanah Kerajaan (rizab jalan) dan tanah beri milik.

/2...

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

Telefon (terus):

Pegawai Daerah: 05-7161075

Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah): 05-7166800

Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan): 05-7166801



"Sila catat miukan kami anabila bermitisan"

**PROJEK / KERJA** : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABA3015 – SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK PIAL

**PERKARA** : PERMOHONAN ULASAN TEKNIKAL

**d) Pandangan Jabatan**

Menurut semakan koordinat tiang cadangan melalui fail kmz yang diterima daripada pihak puan yang disemak silang dengan rekod pentadbiran ini mendapati P014 sehingga P038, P041 sehingga P044, P047 sehingga P056, FDP4 dan FDP5 adalah atas lot. Manakala talian P013 ke P014 juga akan melintasi lot berhakmilik. Namun pelan KUDR/KACP/A/05/25/0535 pindaan 00 bertarikh 26 Jun 2025 menunjukkan tiang cadangan adalah di atas tanah Kerajaan (rizab jalan). Oleh itu, kedudukan tersebut hendaklah disahkan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) sama di dalam lot atau luar lot. Pengesahan daripada JTB adalah muktamad kerana merupakan pihak yang berautoriti untuk menjalankan ukur mana-mana tanah dalam Negeri bagi maksud-maksud Kanun Tanah Negara. Sekiranya dalam lot maka perlu disemak sama ada tanah beri milik atau tidak.

Sekiranya tanah beri milik hendaklah mendapatkan izin lalu (wayleave) daripada tuanpunya hakmilik melalui peruntukan undang-undang yang bersesuaian sebagai contoh bagi bekalan elektrik adalah di bawah seksyen 15, Akta Bekalan Elektrik agar tiada sebarang perkara berbangkit apabila tanah tersebut dipindah milik atau diturun milik.

Selain itu, sebarang kerosakan yang timbul dari projek ini seperti jalan raya, longkang dan lain-lain hendaklah dibaiki semula oleh pihak kontraktor.

Perhatian dan kerjasama puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




**(MOHAMAD AMIRUL PENG BIN MOHD AMIN PENG)**  
 Penolong Pegawai Daerah (Penguatkuasaan dan Teknikal)  
 b.p. Pentadbir Tanah Kerian

- s.k. Pentadbir Tanah Kerian / JKN/operasi / permt / persecha
- KPPD(T) - mohon sendi semula pelan uban dan laporan pegerakan
- PPTK - update track / kUDRAY
- Fail Timbul

“PERAK SEJAHTERA 2030”

**PORTAL AWAM e-TANAH PERAK**



KORIDOR	TINDAKAN / MAKLUMAN
<input type="checkbox"/>	KETUA OPERASI
<input type="checkbox"/>	PENJURUS SUMBER MANUSIA
<input type="checkbox"/>	KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
<input checked="" type="checkbox"/>	PENGURUS KORIDOR NEGERI
<input type="checkbox"/>	PEGAWAI KRAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN)

TATAPAN  
 FM / Pn Sn  
 Fya